



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL

# ILTIZAM PERPADUAN 2026

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



## SENARAI KANDUNGAN

	M/S
1. Aspirasi Ketua Pengarah	3
2. Visi, Misi dan Moto Jabatan	6
3. Carta Organisasi Jabatan	7
4. Halatuju RMK13	8
5. Memacu Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam	9
6. Pengalaman dan Kisah Kejayaan 2025	10
7. Cabaran dan Halangan	16
8. Penilaian Dengan JPNIN Melalui Analisa SWOT dan ERRC	19
9. Kluster MADANI Tahun 2026	25
10. Hala tuju Tahun 2026	27
11. Impak Pelaksanaan Inisiatif Jabatan	36
12. Kesimpulan	38
13. Takwim Program Tahun 2026	39
14. Editor dan Penghargaan	47



## ASPIRASI KETUA PENGARAH JPNIN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Selaras dengan tema “Bersama Membangun Negara Bangsa”, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) terus komited dalam pelaksanaan gerak kerja strategik yang inklusif melalui amalan UNITY (*Understand, Nurture, Integrate, Transform dan Yield*)

berpaksikan 4 nilai teras integrasi nasional iaitu Faham, Hormat, Terima dan Meraikan. Sehubungan itu, antara aspirasi jabatan pada tahun 2026 adalah seperti berikut:-



- i. Pengukuhan Patriotisme dan pembangunan Negara Bangsa khususnya dalam aspek menyegarkan naratif negara bangsa selari dengan realiti generasi muda dan global.
- ii. Pemerkasaan jentera perpaduan dengan fokus kepimpinan komuniti selaras pembentukan dan pembangunan negara bangsa.
- iii. Memperkasa ekosistem digital perpaduan melalui sistem bersepadu melalui ‘Integrasi Data Perpaduan’ selaras transformasi digital dengan matlamat memperluaskan aksesibiliti maklumat dan meningkatkan produktiviti jabatan.
- iv. Memperkukuhkan Inisiatif Harmoni Madani dengan fokus Belia Harmoni bagi menyebarkan konsep asas integrasi nasional iaitu UNITY dan menggalakkan penyertaan belia secara aktif dalam agenda perpaduan.
- v. Mempertingkatkan promosi dan publisiti secara cekap dan berkesan dengan memanfaatkan media arus perdana dan media sosial secara positif bagi menyebarkan mesej perpaduan dan kenegaraan melalui pelaksanaan aktiviti dan program jabatan.
- vi. Memperluas ekosistem dan menginstitusikan pengurusan konflik melalui Pusat Kolaboratif Mediasi Komuniti bagi meningkatkan penyelesaian konflik yang lebih pantas dan berkesan.
- vii. Memperkasakan dan membangunkan keupayaan IKLIN sebagai Pusat Kecemerlangan Perpaduan bagi melahirkan kepakaran dalam bidang perpaduan dan menyusun semula ekosistem latihan berteraskan kemahiran masa depan.
- viii. Melaksanakan inisiatif inovasi dan pembaharuan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran melalui program inovasi dan penambahbaikan berterusan untuk memastikan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

JPNIN bukanlah jabatan atau organisasi biasa. Kita merupakan Jurutera Sosial yang menjadi nadi dan benteng utama sebagai penjaga keharmonian dan perpaduan negara. Justeru, semua pegawai JPNIN memerlukan satu pegangan yang jelas dan kukuh dalam menyatukan seluruh warga jabatan dalam memastikan kedaulatan dan

keharmonian negara kekal terpelihara. Oleh itu, sukacita saya perkenalkan tagline “**INSPIRE**” untuk dijadikan sebagai pegangan kita semua:

i. **I – Integriti**

Integriti ialah asas kepercayaan bagi sesebuah organisasi dan asas kepercayaan rakyat kepada jabatan bagi memastikan perpaduan dalam masyarakat yang berrmaruah. Tanpa integriti, keselamatan dan perpaduan sebenar sukar dicapai. Oleh itu, semua warga jabatan hendaklah sentiasa berintegriti dalam melaksanakan tugas, khususnya dalam pelaksanaan tindakan dan keputusan.

ii. **N – Nobility (Berperibadi Mulia)**

Keperibadian tinggi dan jati diri mulia setiap warga JPNIN mencerminkan wajah sebenar JPNIN. Akhlak, adab dan budi bahasa merupakan asas perpaduan kerana ianya tidak boleh dibina dengan kata-kata kasar atau sikap angkuh. Oleh itu, perpaduan adalah bermula dari dalam diri dan hati nurani setiap warga perpaduan yang suci dan luhur demi mengekalkan sebuah keharmonian dan kedamaian.

iii. **S – Selflessness (Tidak Mementingkan Diri)**

Kepentingan rakyat dan negara hendaklah sentiasa mengatasi kepentingan peribadi. Oleh itu, seorang Pegawai Perpaduan hendaklah bertindak tanpa memikirkan kepentingan diri, sedia berkorban, mengelakkan sikap egois dan bertindak adil demi memastikan kesejahteraan masyarakat.

iv. **P – Partnership (Kerjasama dan Hubungan Strategik)**

Perpaduan tidak boleh digerakkan secara bersendirian. Kita mesti bekerjasama dengan agensi, NGO, pemimpin komuniti dan rakyat. Kerjasama dan hubungan baik juga perlu dilaksanakan dengan pelbagai pihak daripada dalam dan luar negara untuk memastikan legasi perpaduan yang lebih cemerlang.

v. **I – Innovation (Inovasi)**

Cabaran perpaduan hari ini adalah jauh berbeza daripada dahulu kerana faktor modenisasi dan globalisasi. Pegawai Perpaduan perlu berani berfikir di luar kebiasaan dan aktif menggunakan pendekatan, kaedah, gerak kerja serta teknologi baharu supaya JPNIN terus relevan dan diyakini.

v. **R – Responsiveness (Responsif)**

Kecekapan dan kepantasan dalam tindakan serta tindak balas terhadap isu perpaduan adalah ukuran sebenar keprihatinan dan kecemerlangan JPNIN sebagai sebuah agensi peneraju perpaduan. Sehubungan itu, bagi memastikan JPNIN sebagai organisasi yang cekap dan berkesan, memerlukan pasukan dan jentera perpaduan yang responsif dalam gerak kerja dan tindakan.

vi. **E – Empathy (Empati)**

Empati ialah roh perpaduan. Empati juga adalah kekuatan dan jambatan utama Pegawai Perpaduan dalam memahami, menyelami dan merasai denyut nadi rakyat pelbagai latar belakang. Empati yang tinggi akan meleraikan tembok perselisihan dan permusuhan, meningkatkan Ihsan dan kemanusiaan seterusnya mengukuhkan keharmonian dan kesejahteraan.



**INSPIRE** bukan sekadar tagline atau slogan. Ia merupakan rujukan budaya kerja kita, kompas moral kita dan janji kita kepada kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik sebagai seorang Jurutera Sosial. Marilah kita menyatukan hati, menggerakkan tindakan dan melaksanakan amanah ini dengan penuh integriti, kebijaksanaan dan keinsanan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama berusaha dalam merealisasikan matlamat jabatan dalam penyediaan naskhah Iltizam Perpaduan JPNIN 2026 ini. Semoga setiap usaha yang kita curahkan menjadi warisan berharga buat generasi akan datang demi pengukuhan perpaduan yang lebih gemilang.

**#INSPIRE Demi Perpaduan**

Sekian, terima kasih.

**Zulkifli bin Hashim**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**

## 2. VISI, MISI DAN MOTO JPNIN

Penetapan hala tuju yang jelas adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Oleh itu, penetapan Visi, Misi dan Moto JPNIN bukanlah sekadar slogan, tetapi berfungsi sebagai kompas strategik yang menyelaraskan setiap tindakan, program dan sumber ke arah satu matlamat bersama. Penetapannya dapat memberikan inspirasi kepada warga kerja dan rakan strategik perpaduan di samping membuktikan komitmen peranan serta halatuju JPNIN kepada seluruh rakyat Malaysia dalam memacu ekosistem perpaduan yang mampan.

### 2.1 VISI JPNIN

Peneraju Perpaduan Dan Keharmonian Negara Malaysia

### 2.2 MISI JPNIN

Memperkukuhkan Perpaduan Dan Keharmonian Negara Berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

### 2.3 MOTO JPNIN

Bersatu Kita Maju





#### 4. HALA TUJU RMK13 JPNIN

RMK13 dibina di atas dua asas utama yang menjadi tonggak dalam melakar semula hala tuju pembangunan negara, yang secara langsung berhubung kait dengan mandat dan peranan JPNIN, iaitu sistem sosial berteraskan insan MADANI dan Negara Bangsa yang berdaulat dan bermaruah. Sistem sosial berteraskan insan MADANI menekankan pembinaan rakyat yang menjunjung nilai-nilai insan MADANI, merangkumi kerohanian yang luhur, jati diri yang teguh, kesedaran kemanusiaan serta pembentukan masyarakat yang saksama, harmoni dan berpadu teguh.

Pembentukan Negara Bangsa dijadikan keutamaan di bawah **Tonggak D** : Mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Konsep ini menegaskan bahawa pembentukan negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah adalah tunjang kepada keharmonian sosial, kestabilan politik, kemajuan ekonomi, serta peningkatan imej dan kredibiliti Malaysia di persada antarabangsa.

Empat (4) strategi telah dikenal pasti bagi mempercepatkan pembentukan negara bangsa dalam tempoh RMK13 dan JPNIN merupakan peneraju utama bagi dua (2) daripada strategi tersebut adalah seperti berikut:

- **Memperkuh Integrasi dan Perpaduan Nasional**
- **Memperkuh Patriotisme dan Identiti Nasional**

JPNIN turut memainkan peranan penting merentas tonggak lain dalam RMK13 iaitu **Tonggak A** : Meningkatkan Kerencaman Ekonomi dan **Tonggak B** : Meningkatkan Mobiliti Sosial, di mana JPNIN berfungsi sebagai pemudah cara dan penyelaras bagi memastikan agenda perpaduan dan integrasi nasional diterapkan dalam pelaksanaan strategi serta pelaksanaan program di setiap tonggak.

Sepanjang tempoh RMK13, usaha berterusan akan dilaksanakan bagi menangani isu utama yang menjejaskan kesejahteraan rakyat. Keutamaan diberikan kepada pembentukan negara bangsa bagi melahirkan rakyat Malaysia berwawasan, beridentiti kukuh dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Pengukuhan integrasi sosial, pembudayaan semangat patriotik, pemantapan nilai sahsiah serta penglibatan masyarakat yang aktif dan sihat akan membentuk sistem

sosial berteraskan insan MADANI, sekali gus menjamin keharmonian sosial, kestabilan politik dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Langkah ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan jati diri serta rasa bangga rakyat Malaysia, malah dapat mengekalkan imej positif negara sebagai sebuah masyarakat majmuk yang aman, stabil dan progresif.



## 5. MEMACU AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (ARPA)

Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) merupakan suatu kerangka strategik menyeluruh yang digariskan bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, berintegriti dan berfokus rakyat. Selaras dengan lima Teras Keberhasilan Reformasi (TKR) dan disokong oleh 20 Strategi Keberhasilan Reformasi (SKR), ARPA dibangunkan berasaskan pendekatan bersepadu yang mengutamakan prinsip *whole-of-government* dan *whole-of-nation*. Pelaksanaan ARPA digerakkan melalui lima objektif utama berikut:

- i. Memperkukuh budaya integriti dan penghayatan nilai murni dalam perkhidmatan awam, bagi memastikan amalan tadbir urus yang telus, berakauntabiliti dan berteraskan etika profesional dapat dilaksanakan secara konsisten.
- ii. Membangunkan modal insan yang kompeten, berdaya saing dan berpandangan strategik, selaras dengan keperluan perkhidmatan awam yang dinamik dan menuntut kebolehsuaian terhadap perubahan persekitaran semasa serta cabaran masa hadapan.
- iii. Menstruktur semula organisasi perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, responsif dan berdaya tahan, melalui penambahbaikan struktur pentadbiran dan proses kerja yang menyokong pelaksanaan dasar secara efektif dan efisien.
- iv. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan keperluan rakyat, dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan yang mesra pengguna, berorientasikan digital dan berimpak tinggi terhadap kesejahteraan rakyat.
- v. Mengukuhkan kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan komuniti, dalam usaha membina ekosistem pembangunan negara yang inklusif, kolaboratif dan mampan.

Untuk menjayakan inisiatif ini, warga kerja JPNIN meletakkan penghayatan amalan nilai M.A.L.A.Y.S.I.A, yang berfungsi sebagai panduan etika, budaya kerja, dan profesionalisme dalam menunaikan amanah yang diberikan.

## **6. PENGALAMAN DAN KISAH KEJAYAAN 2025**

Sepanjang tahun 2025, pelbagai cabaran dan pengalaman telah diharungi jabatan dalam memastikan usaha-usaha pengukuhan perpaduan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terutamanya dalam pelaksanaan Inisiatif Pemerksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif, Meremajakan Skim Rondaan Sukarela (SRS), Mengangkasa Mediator Komuniti, Harmoni Madani, Pendidikan Perpaduan dan penerapan budaya pembelajaran dalam organisasi (Learning organization).

## ***Kisah Kejayaan***

Antara kisah kejayaan jabatan sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

### **i. Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif**

Inisiatif Rukun Tetangga Progresif Fasa 1 telah mencapai sasaran di mana sebanyak 152 RT telah berjaya dijadikan sebagai model RT Progresif. Bagi Fasa 2 pada tahun 2025, sebanyak 301 lagi KRT berjaya dimodelkan sebagai RT Progresif membawa jumlah keseluruhan sebanyak 453 KRT. Pemerkasaan RT Progresif memberi fokus kepada peningkatan pendapatan isi rumah melalui program-program ekonomi, keusahawanan dan latihan kemahiran yang bertujuan membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan Rukun Tetangga.

Inisiatif ini telah berjaya mengubah *landskap* aktiviti KRT dan membawa perubahan yang signifikan kepada kualiti dan kesejahteraan sosial komuniti melalui pelaksanaan program secara berterusan (bukan secara *one-off* atau *touch and go*), *low cost high impact* serta sentiasa mempunyai nilai tambah (*value added*).

Pelaksanaan RT Progresif turut diperkukuh melalui penggunaan Sistem Maklumat Perpaduan (SISMAP 2.0) yang membolehkan permohonan, penilaian dan kelulusan dilaksanakan secara digital, sekaligus memendekkan tempoh proses daripada 90 hari kepada 30 hari.

### **ii. Meremajakan Skim Rondaan Sukarela dan Pembangunan MySRS**

Dalam usaha meningkatkan keselamatan komuniti setempat, Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah diberi nafas baharu melalui pendekatan meremajakan pelaksanaan rondaan dengan sokongan teknologi dan penyertaan komuniti yang lebih menyeluruh. Pembangunan sistem MySRS membolehkan pengurusan rondaan, pelaporan aktiviti serta pemantauan keselamatan dilaksanakan dengan lebih sistematik dan cekap. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh rasa selamat dalam kalangan penduduk, malah meningkatkan semangat kesukarelawanan dan kebersamaan komuniti.

**iii. Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025**

Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 menjadi simbol pencapaian lima dekad RT sebagai platform utama penyatuan masyarakat. Sambutan ini bukan sekadar memperingati sejarah, tetapi turut mengetengahkan transformasi RT sebagai entiti komuniti progresif yang responsif terhadap cabaran semasa. Pelbagai aktiviti, pameran dan program libat urus komuniti telah dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap peranan RT dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan sosial.

**iv. Pengukuhan Penghayatan Rukun Negara**

Seiring dengan pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksana pendekatan strategik yang menyeluruh, berfokus mengikut kumpulan sasaran dan berterusan melalui pelbagai inisiatif bagi memperkukuh penghayatan serta pengamalan Ideologi Rukun Negara merentasi pelbagai peringkat umur, institusi dan lapisan masyarakat. Pendekatan JPNIN adalah bersifat menyeluruh, bermula dari peringkat awal kanak-kanak sehingga ke belia dan masyarakat, dengan matlamat membina kefahaman kenegaraan yang kukuh serta membentuk jati diri warganegara Malaysia yang bersatu dan berprinsip.

Di peringkat awal, pelaksanaan Pendidikan Rukun Negara di Tabika Perpaduan merupakan antara pencapaian penting JPNIN dalam menyemai nilai kenegaraan sejak usia muda. Pendidikan Rukun Negara diterapkan kepada murid enam tahun iaitu sebanyak 14,337 daripada 34,476 murid Tabika Perpaduan. Sebanyak 71.8% murid enam tahun yang menunjukkan penguasaan kefahaman penghayatan Prinsip Rukun Negara mengikut tahap umur mereka.

Pendekatan pendidikan berasaskan nilai dan pengalaman ini membolehkan kanak-kanak memahami konsep asas seperti hormat-menghormati, kebersamaan dan tanggungjawab secara semula jadi. Usaha ini menjadi asas awal pembentukan identiti kebangsaan yang inklusif dan berupaya membentuk sikap positif terhadap kepelbagaian budaya dalam jangka panjang.

Bagi golongan belia dan mahasiswa, JPNIN telah memperkukuh pendekatan melalui pelaksanaan program berimpak tinggi seperti Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP), Program Citra Negaraku, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara (SRN) serta pelaksanaan program Rukun Negara di sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang digerakkan oleh pelajar sendiri. Program-program ini telah berjaya menterjemahkan Rukun Negara daripada sekadar pengetahuan normatif kepada bentuk penghayatan melalui dialog, kepimpinan, kesukarelawanan, ekspresi kreatif dan penglibatan komuniti. Pendekatan *experiential learning* ini membolehkan peserta memahami nilai kenegaraan dalam konteks sebenar kehidupan, sekaligus membentuk belia yang berfikiran kritikal, berdaya saing dan bertanggungjawab.

Dari sudut pencapaian dan impak sosial, program-program ini telah mewujudkan ruang interaksi yang bermakna antara peserta pelbagai kaum, agama dan latar sosioekonomi, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan integrasi sosial dan pengurangan jurang persepsi antara komuniti. Penglibatan aktif pelajar dalam merancang dan melaksanakan program Rukun Negara di sekolah dan IPT turut memperlihatkan kejayaan pendekatan pemerksaan belia sebagai ejen perpaduan, di mana nilai kenegaraan diterjemahkan melalui kepimpinan rakan sebaya dan inisiatif akar umbi.

Secara keseluruhannya, pengalaman JPNIN dalam melaksanakan program-program penghayatan Rukun Negara membuktikan bahawa pendekatan yang berterusan, berperingkat dan berteraskan nilai mampu menyokong agenda pembinaan negara bangsa secara holistik. Melalui penyemaian nilai sejak awal, pemerksaan belia serta penglibatan komuniti secara inklusif, JPNIN terus memainkan peranan penting dalam membentuk rakyat Malaysia yang bersatu, menghargai kepelbagaian dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan, selari dengan aspirasi negara bangsa yang aman, harmoni dan progresif.

#### **iv. Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP)**

Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) diperkenalkan sebagai satu inisiatif strategik yang berteraskan Modul Silang Budaya yang menekankan

pendekatan pembelajaran secara interaktif dan pengalaman langsung. Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) memfokuskan kepada **elemen kenegaraan, budaya warisan Malaysia, serta penerapan etika dan nilai murni**. Melalui program ini, peserta akan diberi pendedahan terhadap sejarah pembentukan negara, prinsip kenegaraan, adat resam pelbagai kaum, serta nilai-nilai sivik dan moral yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang inklusif, harmoni, dan bersatu padu.

Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) melibatkan penyertaan murid sekolah rendah, sekolah menengah dan mahasiswa. Bagi program GRIP peringkat murid sekolah menengah, pelaksanaan adalah pada 21 hingga 24 Julai 2025 di SMK Tengku Afzan dengan penyertaan seramai 200 murid, dapatan keberkesanan menunjukkan 99.23 peratus peserta mencapai tahap kesedaran patriotisme yang tinggi.

Sementara itu, program GRIP peringkat murid sekolah rendah Zon Utara yang berlangsung dari 30 September hingga 3 Oktober 2025 di White Resort Camp dengan penyertaan 145 murid merekodkan tahap kesedaran patriotisme sebanyak 97.03 peratus. Bagi program GRIP peringkat mahasiswa Negeri Johor yang diadakan pada 24 hingga 27 Oktober 2025 di Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT), Segamat, Johor, seramai 92 mahasiswa terlibat dan dapatan menunjukkan 89.01 peratus peserta mencapai tahap kesedaran patriotisme yang positif.

**v. Pembangunan Modul Kursus Asas Persijilan Mediasi Sosial**

Kejayaan Penerbitan Modul Kursus Asas Persijilan Mediasi Sosial sebagai bahan rujukan dalam menyampaikan latihan mediasi sosial kepada Pegawai-pegawai Perpaduan pada tahun 2025 amat memberi makna yang signifikan khususnya dalam pencapaian matlamat untuk meningkat, memelihara serta mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Modul ini menjadi rujukan utama dalam melahirkan Mediator Komuniti yang menjadi pengantara sekiranya berlaku apa-apa insiden /kes yang boleh

mengganggu-gugat perpaduan dan kesejahteraan masyarakat. Ianya membolehkan JPNIN berupaya melatih sendiri pegawai-pegawainya bagi meningkatkan kebolehpayaan pegawai-pegawai perpaduan dalam menjalankan tugas sebagai jurutera sosial perpaduan di akar umbi.

Susulan itu, kini JPNIN dalam usaha menubuhkan pasukan jurulatih modul yang berkebolehan menyampaikan ilmu pengetahuan serta teknik mediasi sosial yang betul kepada semua lapisan pegawai tanpa mengira gred. Kejayaan ini membuktikan JPNIN sememangnya serius dalam memainkan peranannya sebagai peneraju bidang perpaduan iaitu bukan hanya berpengalaman menjalankan program tetapi yang paling penting berupaya menangani isu-isu perpaduan di akar umbi dari merebak dan menjejaskan kestabilan negara.

#### **vi. Penambahbaikan Sistem Pendigitalan**

Antara penambahbaikan yang dilaksanakan selaras transformasi pendigitalan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

##### **a. Penambahbaikan Sistem e-Sepakat**

Pendekatan yang lebih sistematik, bersifat pencegahan dan responsif adalah penting dalam memantau dan menangani isu-isu yang berpotensi menjejaskan perpaduan negara. Sehubungan itu, sistem e-Sepakat yang diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2010 dan merupakan sebahagian daripada Sistem Maklumat Perpaduan (SISMAP). Ia berfungsi sebagai pangkalan data utama bagi merekodkan, memantau dan menganalisis isu perpaduan di seluruh negara. Ia dibangunkan sebagai alternatif kepada kaedah pelaporan manual yang bersifat terpisah dan tidak konsisten. Dengan pendekatan berasaskan teknologi, sistem ini berupaya meningkatkan kecekapan respons JPNIN terhadap konflik sosial dan ketegangan komuniti.

##### **b. RAKAN**

Platform digital iaitu Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) telah dilancarkan pada 19 Jun 2025 untuk membolehkan

orang awam melaporkan isu atau ancaman yang berpotensi menggugat keharmonian dan keselamatan komuniti. Platform aduan orang awam ini akan membantu Kementerian meningkatkan jangkauan capaian pengesanan isu-isu perpaduan secara terus daripada komuniti umum melalui pengumpulan data nyata.

Secara keseluruhan, kejayaan utama JPNIN bagi tahun 2025 mencerminkan pendekatan pengurusan perpaduan yang progresif, berasaskan data dan berorientasikan impak. Pemeraksanaan Rukun Tetangga, pengukuhan penghayatan Rukun Negara, pendigitalan sistem perpaduan, pembinaan keupayaan komuniti melalui pembangunan modul dan latihan serta pelaburan berterusan dalam pembinaan sahsiah generasi muda melalui GRIP membuktikan komitmen JPNIN dalam pengukuhan perpaduan.

## **7. CABARAN DAN HALANGAN**

Walaupun begitu, antara cabaran utama jabatan adalah dalam pengurusan perpaduan yang dilaksanakan jabatan iaitu dalam menguruskan sensitiviti antara kaum, meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program perpaduan dan menangani persepsi negatif yang wujud antara pelbagai kumpulan etnik. Berikut adalah antara cabaran dan halangan perpaduan:-

### **i. Defisit Identiti Negara Bangsa**

Defisit Identiti Negara Bangsa merujuk kepada kelemahan penghayatan identiti kebangsaan sebagai satu Bangsa Malaysia dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda. Walaupun berkongsi sejarah, perlembagaan, institusi negara dan nilai kenegaraan yang sama, sebahagian rakyat masih belum membentuk rasa kebersamaan, kesetiaan dan tanggungjawab yang mendalam terhadap negara sekaligus menjejaskan asas kesepaduan sosial.

Keadaan ini dipengaruhi oleh dominasi identiti kelompok sempit seperti kaum, agama, wilayah dan latar sosioekonomi di samping keterbatasan pendekatan

pendidikan kenegaraan yang lebih bersifat kognitif dan hafalan tanpa penghayatan nilai. Selain itu, pengaruh globalisasi serta naratif dalam ruang digital yang bersifat polarisasi dan maklumat tidak sah turut melemahkan ketahanan identiti nasional dan memperkukuh pemisahan sosial.

**ii. Ketidakseimbangan Pembangunan Sosial dalam Arus Pemodenan**

Pembangunan fizikal dan ekonomi bergerak lebih pantas berbanding pembangunan sosial. Jurang kesejahteraan antara bandar–luar bandar dan wilayah masih wujud. Pembangunan tidak sekata menyumbang kepada rasa terpinggir dan ketidakadilan sosial. Menyepadukan dimensi keharmonian sosial dalam perancangan pembangunan. Mengelakkan pembangunan menjadi faktor pencetus ketegangan komuniti.

**iii. Hakisan Nilai Sosial dan Jati Diri dalam Proses Pemodenan**

Pemodenan mengubah struktur sosial, gaya hidup dan hubungan kejiiran di mana nilai kebersamaan, gotong-royong dan saling percaya semakin terhakis. Sikap Individualisme dan materialisme juga semakin dominan dalam masyarakat bandar. Sehubungan itu, kita wajar memodenkan pendekatan perpaduan tanpa mengorbankan nilai teras masyarakat dan menyemai semula nilai sepunya dalam konteks kehidupan moden. Perpaduan hendaklah dijadikan sebagai aset sosial dalam pembangunan negara.

**iv. Tekanan Urbanisasi dan Kepelbagaian Sosial**

Kepesatan perbandaran dan urbanisasi pesat telah mewujudkan komuniti berbilang latar belakang yang kurang interaksi. Kehidupan bandar bersifat terasing walaupun padat yang menghasilkan konflik mikro berkaitan ruang, budaya dan gaya hidup yang semakin meningkat. Sehubungan itu, isu dan cabaran baharu adalah dalam mengurus kepelbagaian dalam persekitaran bandar moden dan membangunkan mekanisme integrasi sosial di kawasan urban. Isu keharmonian komuniti berbilang etnik di kawasan berpenduduk tinggi juga menjadi cabaran yang perlu ditangani dengan bijak bagi memastikan kelangsungan kesepaduan sosial yang harmoni.

**v. Pembangunan Berasaskan Ekonomi Tanpa Integrasi Sosial**

Tumpuan pembangunan lebih menjurus kepada pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur di mana penilaian impak sosial (social impact assessment) terhadap projek pembangunan bukan menjadi keutamaan. Sehubungan itu, isu yang berlaku adalah bagaimana untuk mengarusperdanakan perspektif perpaduan dalam dasar dan projek pembangunan dan mengukuhkan peranan komuniti sebagai rakan pembangunan. Kita perlu menyokong pembangunan yang inklusif dan berteraskan keharmonian sosial tanpa mengeneipkan hasrat sebenar pembangunan mapan.

**vi. Cabaran Tadbir Urus Sosial dalam Negara Membangun**

Isu sosial semakin kompleks selari dengan kemajuan negara. Sehubungan itu, terdapat keperluan pendekatan strategik antara agensi yang lebih sistematik untuk menangani isu sosial. Oleh itu, jabatan berperanan dalam penyelarasan pengurusan keharmonian sosial dan memperkukuh sistem pemantauan awal risiko sosial dalam memastikan tadbir urus perpaduan agar lebih cekap dan responsif.

**vii. Perubahan Struktur Komuniti dalam Era Pemodenan**

Komuniti tradisional semakin berkurangan dan wujud kelemahan kepimpinan komuniti dalam persekitaran moden di mana penglibatan generasi muda dalam aktiviti komuniti semakin berkurangan. Sehubungan itu, bagi membentuk kepimpinan komuniti yang adaptif dan progresif, cabaran utama yang perlu dihadapi adalah untuk memperkasa komuniti sebagai pemilik agenda perpaduan dan menyuntik elemen inovasi dalam gerakan komuniti.

Pembangunan dan pemodenan yang tidak disertai pengukuhan perpaduan berisiko mewujudkan ketegangan sosial. Justeru, JPNIN berperanan memastikan kemajuan negara dibina atas asas keharmonian, keadilan sosial dan integrasi nasional.

## 8. PENILAIAN PROGRAM JPNIN MELALUI ANALISA SWOT DAN ERRC

Berikut adalah antara analisa SWOT iaitu Kekuatan (*Strength*), Peluang (*Opportunity*), Kelemahan (*Weakness*) dan Ancaman (*Threat*):

### **Kekuatan**

- i. Jentera perpaduan yang kukuh diperingkat akar umbi yang merangkumi pelbagai peringkat umur, kaum dan gender.
- ii. Komitmen dan kerjasama strategik dari pelbagai agensi.
- iii. Akta, Dasar dan Garis Panduan yang komprehensif.
- iv. Pelaksanaan program berfokus di peringkat akar umbi yang berskala kecil dan berimpak tinggi khususnya dalam kawasan Rukun Tetangga.

### **Peluang**

- i. Pelaksanaan program perpaduan di pelbagai peringkat pelaksanaan yang boleh menyumbang kepada peningkatan pengukuran indeks berkaitan perpaduan dan keharmonian dalam dan luar negara (IPNAS, Indeks Keharmonian Masyarakat, *Global Peace Index*, Indeks Kebahagiaan).
- ii. Memanfaatkan Dasar-Dasar semasa Kerajaan (Kerajaan Perpaduan/ Malaysia MADANI) yang memberi keutamaan kepada usaha mengukuhkan perpaduan negara.
- iii. Mengaplikasi model dan pendekatan baharu dalam menguruskan isu perpaduan (Gerak Kerja 5P - Penggalakan, Pencegahan, Pencilahan, Pemulihan dan Penilaian).
- iv. Memanfaatkan teknologi digital dan pendigitan secara efektif (SISMAP/ e-Sepakat dan Dashboard Analitik Perpaduan) bagi melaksanakan program perpaduan secara bersasar dan berimpak tinggi.

### **Kelemahan**


- i. Peruntukan kewangan dan sumber manusia yang terhad. Misalnya isu berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan premis perpaduan dan isu pembekalan peralatan keselamatan dan Rondaan Skim Rondaan Sukarela yang tidak mencukupi.
- ii. Kurang penyertaan belia dan penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti dan program yang dilaksanakan.

- iii. Keperluan latihan kepimpinan dan pembinaan keupayaan untuk meningkatkan tahap kompetensi pegawai dan jentera perpaduan.
- iv. Promosi, publisiti dan komunikasi yang lemah dan kurang berkesan.

**Ancaman**

- i. Dasar Persekutuan-Negeri tidak sehaluan (cth: RT diletakkan di bawah MPKK).
- ii. Persaingan dan isu penyelarasan antara organisasi di peringkat komuniti (cth: MPKK, Persatuan Penduduk dan KRT).
- iii. Masyarakat mengutamakan *survival* kehidupan berbanding penglibatan dalam program kesukarelawanan / kemasyarakatan.
- iv. Penggunaan teknologi ICT yang kurang dimanfaatkan sepenuhnya oleh Jentera Perpaduan (contohnya pengisian dalam sistem e-SEPAKAT).
- v. Transformasi pendigitalan yang memerlukan intervensi dan mekanisme penyaluran maklumat yang lebih terancang dan bersepadu.

**Analisa SWOT JPNIN**



Analisis Strategik *Blue Ocean Strategy* ERRC juga digunakan untuk menjadi rujukan dalam menilai, menambahbaik dan mereka bentuk semula dasar dan program JPNIN supaya lebih berdaya saing.

**Antara perkara-perkara dan inisiatif yang tidak wajar diteruskan (*ELIMINATE*) pelaksanaannya adalah seperti berikut:**

**i. Pelaporan Tidak Seragam**

Selain pelaporan secara online bagi pelaksanaan program dan pengoperasian jentera perpaduan, terdapat sebahagian pelaporan juga masih dilaksanakan secara manual. Sehubungan itu, kaedah pelaporan manual dan tidak seragam perlu diselaraskan kerana ia menjejaskan ketepatan data, melambatkan proses membuat keputusan dan menyukarkan pemantauan nasional. Peralihan sepenuhnya kepada sistem digital bersepadu seperti SISMAP dan PRISMA membolehkan JPNIN berfungsi secara lebih cekap, telus dan responsif.

**ii. Intervensi Berasaskan Andaian**

Pendekatan intervensi kepada isu dan pengurusan perpaduan yang bersifat andaian atau populariti semata-mata juga perlu dielakkan. Sehubungan itu, pemilihan kawasan bagi pelaksanaan program dan pemilihan kumpulan sasaran hendaklah berdasarkan data risiko sebenar dan bukan persepsi bagi memastikan intervensi perpaduan lebih bersasar dan berkesan. Pelaksanaannya dijangkakan dapat memperkukuh kredibiliti JPNIN sebagai agensi dasar yang berasaskan bukti (*evidence-based policy*), meningkatkan kecekapan pengurusan sumber dan mengurangkan jurang antara dasar dan realiti lapangan.

**Antara perkara-perkara dan inisiatif yang perlu dikurangkan (*REDUCE*) pelaksanaannya adalah seperti berikut:**

**i. Mesyuarat Kurang Efektif**

Mesyuarat yang kurang efektif perlu dikurangkan di setiap peringkat pelaksanaan dengan menekankan mesyuarat yang berorientasikan keputusan dan tindakan susulan. Budaya mesyuarat yang berulang tanpa hasil jelas boleh melambatkan pelaksanaan dasar dan menjejaskan momentum organisasi.

**ii. Mengoptimumkan Proses dan Kebergantungan**

Kebergantungan berlebihan kepada pembekal/ vendor luar juga perlu dikurangkan dengan membangunkan kepakaran dalaman (Subject Matter Experts/ SME). Pegawai JPNIN yang menguasai bidang pembangunan komuniti dan pengurusan perpaduan serta mahir dalam konteks perpaduan tempatan adalah aset strategik yang mampu menjamin kesinambungan pengetahuan dan mengurangkan kos jangka panjang.

**iii. Tempoh masa tindak balas terhadap isu sensitif**

Tempoh tindak balas dan respon terhadap isu perpaduan juga perlu dipendekkan. Dalam era pendigitalan dan kepantasan hebahan media sosial, kelewatan bertindak dalam pengurusan isu perpaduan boleh mencetuskan salah faham, ketegangan kaum dan krisis kepercayaan awam.

Perkara-perkara berkenaan dapat meningkatkan ketangkasan organisasi (organisational agility), mempercepatkan pembuatan keputusan dan memperkukuh keupayaan JPNIN sebagai agensi barisan hadapan dalam pengurusan perpaduan dan konflik sosial.

**Antara perkara-perkara dan inisiatif yang wajar ditingkatkan (RAISE) pelaksanaannya adalah seperti berikut:**

**i. Memperkukuh Integrasi Data Perpaduan**

Integrasi data perpaduan perlu dipertingkatkan dengan menjadikan SISMAP dan PRISMA sebagai sumber data utama jabatan. Data yang bersepadu membolehkan analisis tren, ramalan risiko dan pelaporan berimpak tinggi disediakan untuk rujukan pembuatan dasar selanjutnya. Pelaksanaannya sangat penting bagi membentuk mekanisme pengurusan perpaduan negara yang responsif, inklusif dan berasaskan data bagi memastikan keharmonian masyarakat kekal terpelihara.

**ii. Meningkatkan Kompetensi Pegawai (Upskilling)**

Keupayaan pegawai JPNIN juga perlu dipertingkatkan melalui pembinaan keupayaan/ *upskilling* dalam bidang analitik data, mediasi komuniti,

pengurusan konflik dan komunikasi krisis. Sehubungan itu, latihan yang tersusun dan pembangunan modul bersesuaian adalah penting bagi memastikan pembangunan kapasiti pegawai bukan lagi sekadar pelaksana program, tetapi perlu berperanan sebagai jurutera sosial dalam bidang perpaduan.

**iii. Meningkatkan Kecekapan Maklumbalas**

Kecekapan maklum balas dan pelaporan pantas dari peringkat komuniti, akar umbi ke peringkat negeri dan persekutuan turut menjadi keutamaan, selari dengan keperluan pengurusan isu secara masa nyata (real time). Sehubungan itu, strategi komunikasi dan advokasi inklusif melalui pengurusan persepsi yang berkesan perlu dilaksanakan untuk membina keyakinan, memupuk naratif positif dan menangani maklumat yang boleh menjejaskan perpaduan. Misalnya naratif positif perpaduan dan strategi komunikasi yang proaktif melalui penggunaan platform digital dan media sosial secara strategik.

**iv. Peningkatan Penglibatan Belia dan Kepelbagaian Kaum**

Penglibatan belia dan penyertaan masyarakat daripada pelbagai kaum perlu dipertingkatkan bagi memastikan agenda perpaduan kekal inklusif dan berdaya tahan. Sehubungan itu, sasaran penyertaan dan penglibatan hendaklah mengambilkira komposisi sebenar kaum mengikut kawasan dan lokasi yang ditumpukan. Insentif dan merit bersesuaian juga boleh dicadangkan bagi menarik penyertaan dan penglibatan kumpulan belia dalam pelaksanaan program.

**v. Patriotisme dan Penghayatan Rukun Negara**

Dalam masa yang sama, penghayatan Rukun Negara, patriotisme dan jati diri perlu diperkukuh sebagai asas nilai bersama dalam setiap inisiatif jabatan. Peningkatan ini menjadikan JPNIN lebih moden, profesional dan relevan sesuai dengan perubahan masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan pembinaan negara bangsa.

**Antara perkara-perkara dan inisiatif baharu (CREATE) yang wajar dilaksanakan adalah seperti berikut:**

**i. Mencipta Mekanisme Baharu Pengukuran Impak Perpaduan**

JPNIN perlu mewujudkan mekanisme rasmi dan seragam bagi mengukur impak program perpaduan. Pengukuran yang saintifik dan sistematik membolehkan keberkesanan dasar dinilai secara objektif bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

**ii. Pemerksaan IKLIN sebagai Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence – CoE) Perpaduan**


Selaras keputusan Jemaah Menteri pada 15 Disember 2004, IKLIN ditubuhkan sebagai pusat penyaluran ilmu pengetahuan yang berdaya saing, efektif dan unggul berteraskan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara. Skop latihan IKLIN memberi fokus kepada pembangunan kerjaya Pegawai Perpaduan dalam pengetahuan asas, kemahiran profesional, kefahaman mendalam dalam perpaduan, kepelbagaian budaya, adat resam dan agama.

Selain itu, IKLIN menjadi pusat rujukan, kajian dan penyelidikan serta perkongsian ilmu berteraskan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang perpaduan. Setelah 21 tahun penubuhannya, IKLIN akan terus diperkasakan dan dinaiktaraf sebagai Pusat Kecemerlangan Perpaduan selaras perubahan fabrik masyarakat masa kini yang semakin kompleks.

**iii. Peningkatan Penglibatan Belia Melalui Insentif**

Pengenalan inisiatif, sistem insentif, merit dan pengiktirafan perlu diwujudkan bagi menggalakkan inovasi, penglibatan aktif komuniti dan sumbangan belia dalam usaha perpaduan. Penciptaan nilai baharu ini melonjakkan peranan JPNIN daripada agensi pelaksana kepada \*institusi pemikir dan peneraju dasar perpaduan negara\*.

## Analisis Strategik ERRC JPNIN



Secara keseluruhannya, Analisis SWOT dan ERRC pada tahun 2025 memfokuskan keupayaan sumber dan intervensi berimpak tinggi dalam pengurusan perpaduan selaras transformasi pendigitalan dan pemodenan negara. JPNIN perlu memperkukuh keupayaan institusinya melalui kepimpinan dan modal insan serta menjadikan pengurusan perpaduan lebih berasaskan data, pantas dan inklusif. Pelaksanaanya boleh mengangkat JPNIN sebagai peneraju utama pembinaan negara bangsa dalam landskap sosial yang semakin kompleks.

### 9. KLUSTER MADANI TAHUN 2026

Terdapat Lima (5) Kluster MADANI iaitu Kluster Tunas MADANI, Komuniti MADANI, Harmoni MADANI, Rakyat MADANI dan Warisan MADANI yang dirujuk dan digunakan untuk menyusun, menyelaras dasar, merangka program serta mengukur impak pelaksanaan program kepada kumpulan sasaran. JPNIN terlibat dalam (4) Kluster tersebut iaitu Tunas MADANI, Komuniti MADANI, Harmoni MADANI dan Rakyat MADANI.

## LIMA TERAS KLUSTER MADANI

Pecahan lima kluster utama di bawah kerangka MADANI dengan fokus dan matlamat khusus untuk masyarakat harmoni, bersatu padu, dan beridentiti nasional.



### KLUSTER WARISAN MADANI

Memelihara dan memulihara khazanah warisan negara melalui ANM, JMM dan PNM sebagai sumber ilmu, identiti dan kebanggaan nasional.



### KLUSTER TUNAS MADANI

Memupuk nilai perpaduan dan semangat kebangsaan dari peringkat awal kanak-kanak hingga belia melalui pendidikan dan pembelajaran nilai bersama.



### KLUSTER RAKYAT MADANI

Memperkukuh semangat kebersamaan dan muhibah melalui program perpaduan masyarakat.



### KLUSTER KOMUNITI MADANI

Mengukuhkan jaringan sosial dan semangat kejiranan melalui pemeraksanaan komuniti setempat sebagai ejen perubahan dan penjaga keharmonian sosial.



### KLUSTER HARMONI MADANI

Mengembangkan platform kerjasama antara penganut agama untuk memperkukuh kefahaman serta kesejahteraan bersama.



Terdapat 22 Program JPNIN Mengikuti Kluster MADANI seperti senarai berikut:-

#### TUNAS MADANI

- Bicara Berirama Perpaduan
- Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara
- GRIP@Sekolah
- Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan
- Cilik Perpaduan
- Jelajah Belia Rukun Negara

#### KOMUNITI MADANI

- Karnival Ekonomi Rukun Tetangga
- Perasmian Pusat Latihan IKLIN
- Persidangan Mediator Komuniti dan Hari Mediator Nasional
- DARES@Komuniti (Dialog Aman Responsif dan Empati Sosial)
- Anugerah Perdana Rukun Tetangga
- Konvensyen Rukun Tetangga Progresif
- Seminar Keusahawanan Sosial Komuniti Rukun Tetangga (RT)
- Perasmian Projek Tanaman Shorgum
- Pelancaran Projek Dapur Digital KRT

#### HARMONI MADANI

- Dialog Harmoni
- Dokumentari Jejak Harmoni
- Perkampungan Harmoni
- X-Presi Harmoni

#### RAKYAT MADANI

- Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri
- Program Satelit PMR MADANI
- Projek Sosial Kolaboratif Mediasi Komuniti

## 10. HALA TUJU JPNIN TAHUN 2026

Pada tahun 2026, langkah-langkah strategik yang progresif dan inklusif akan dilaksanakan bagi memastikan agenda pengukuhan perpaduan dapat dilaksanakan melalui 4 kluster iaitu Tunas Madani (T), Komuniti Madani (K) dan Rakyat Madani (R) (*Sila rujuk Lampiran 1*). Antara halatuju jabatan pada tahun 2026 adalah seperti berikut:-

### i. EKOSISTEM DIGITAL PERPADUAN

#### ***Transformasi Digital dan Komunikasi Berimpak Melalui Integrasi Data Perpaduan***

Transformasi pendigitalan adalah perkara penting bagi peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, jabatan sedang melaksanakan transformasi pendigitalan yang melibatkan pelbagai proses kerja untuk memudahkan komunikasi dan penglibatan komuniti dalam program perpaduan. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Platform bersepadu yang menyatukan semua perkhidmatan dan aplikasi ke dalam satu ekosistem yang berfungsi dengan lancar. Pendekatan modular akan membenarkan modul-modul dan sistem-sistem berfungsi secara bebas. Penerapan teknologi baharu (*emerging technologies*) seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet Of Things* (IoT), Data Raya (*Big Data*), Rantaian Blok (*Blockchain*) dan Analisis Data dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan dan teknologi semasa.
- b. Pemeriksaan teknologi seperti *digital contents* dan penggunaan *smart board* dalam persekitaran Tabika Perpaduan.
- c. Komuniti RT diperkasakan dengan teknologi terkini seperti *live patrolling* untuk Skim Rondaan Sukarela (SRS) melalui MySRS. Semua jenis permohonan dilaksanakan secara *End-to-End*.

## ii. PENGUKUHAN PATRIOTISME

### ***Menjiwai Rukun Negara Dalam Mencapai Aspirasi Negara Bangsa***

Pembentukan negara bangsa masih berdepan dengan cabaran yang perlu ditangani secara bersama dan berterusan. Antara cabaran tersebut adalah penghayatan terhadap prinsip Perlembagaan dan Rukun Negara, terhakisnya nilai murni dan jati diri serta kelemahan interaksi sosial berikutan perkembangan teknologi yang mengubah kaedah berkomunikasi. Penghayatan dan terjemahan prinsip Rukun Negara pula bukan sekadar sebagai pegangan normatif, tetapi hendaklah di zahirkan secara nyata melalui pembentukan sikap, tingkah laku dan amalan masyarakat dalam interaksi sosial serta penglibatan aktif dalam kehidupan bermasyarakat.

Sehubungan itu, jabatan memperkenalkan inisiatif strategik program Jelajah Belia Rukun Negara selaras misi bagi mencapai aspirasi Negara Bangsa yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas Bab 5: Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat Dan Alam Sekitar. Melalui pendekatan jelajah yang inklusif dan interaktif, program ini membawa mesej kenegaraan secara dekat dan kontekstual kepada belia merentasi institusi pendidikan, komuniti dan ruang belia. Setiap cita-cita dan prinsip Rukun Negara dipasak dalam jiwa anak muda agar mereka bukan sahaja memahami nilai kenegaraan, malah mampu menghayati dan mengamalkannya sebagai panduan dalam membuat keputusan, memimpin dan berperanan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

Jelajah Belia Rukun Negara menyumbang kepada pembinaan belia yang menjiwai Rukun Negara, berwawasan, berjati diri serta mempunyai hala tuju yang jelas sebagai rakyat Malaysia. Program ini turut memperkukuh integrasi sosial, memupuk semangat patriotisme dan membina keupayaan belia untuk menghargai keamanan, keharmonian serta kepelbagaian adat dan budaya sebagai asas kekuatan negara. Secara keseluruhannya, inisiatif ini menyokong agenda pembinaan negara bangsa dengan melahirkan generasi belia yang bersatu, berprinsip dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

### iii. PEMERKASAAN JENTERA PERPADUAN – RUKUN TETANGGA

#### **Memperkasa Rukun Tetangga (RT) Sebagai Pemangkin Kesejahteraan Sosial Komuniti**

Sejarah telah membuktikan sumbangan cemerlang RT sepanjang lima dekad (1975 – 2025) kepada negara dan masyarakat khususnya dalam konteks penyatuan masyarakat di peringkat akar umbi. Bermula sebagai penggerak agenda keselamatan kejiwaan pada tahun 1975, RT kini diiktiraf sebagai penggerak komuniti progresif melalui pelan tindakan komprehensif pada tahun 2024. Dengan daya kepimpinan dan struktur organisasi yang mantap, RT kini mempunyai kekuatan dan potensi untuk menjadi nadi pelaksanaan agenda Malaysia MADANI di peringkat komuniti supaya rakyat dapat disantuni melalui pendekatan yang holistik, inklusif dan berasaskan nilai kemanusiaan sejagat.

Pendekatan ini menjadikan Rukun Tetangga bukan sekadar sebuah organisasi sosial, tetapi **agen pembangunan komuniti bersepadu** yang mengimbangi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial komuniti dengan menggerakkan aktiviti berteraskan semangat gotong-royong dan kesukarelawanan. Secara khususnya, program ini menggariskan objektif seperti berikut:

- a. membangunkan ekosistem perpaduan yang kondusif untuk meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat melalui KRT sebagai agen pembangunan komuniti yang bersepadu serta penggerak komuniti progresif;
- b. memperkukuhkan fungsi dan tugas KRT sebagai jambatan atau penghubung antara kerajaan dan rakyat dalam menyampaikan dasar, memupuk perpaduan dan *platform* perdampingan sosial;
- c. mengenal pasti dan menguruskan isu-isu sosial serta membangunkan komuniti setempat berdasarkan kepada keperluan dan potensi komuniti;
- d. melaksanakan program intervensi dan khidmat sosial kepada individu, kumpulan atau komuniti berdasarkan isu/masalah yang dikenalpasti untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat; dan

- e. memperkukuhkan jaringan kolaborasi strategik di antara KRT dengan pelbagai pihak.

### **Inisiatif Meningkatkan Penglibatan Golongan Belia/ Muda Sebagai Pemimpin Pelapis Rukun Tetangga**

Golongan belia/ muda merupakan pelapis kepimpinan masa hadapan negara yang perlu diberi galakan, ruang dan peluang untuk melibatkan diri secara aktif dalam kepimpinan di semua peringkat khususnya dalam komuniti. Usaha ini adalah bagi memperkasakan peranan mereka dalam pembangunan komuniti progresif dan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan.

Bagi memastikan penglibatan aktif dan inklusif golongan belia/muda dalam Rukun Tetangga, pelantikan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga adalah merujuk ketetapan kuota ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% adalah berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun.

Pada tahun 2023, seramai 288 orang belia telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Rukun Tetangga. Bilangan ini meningkat kepada 689 orang pada tahun 2025. Selain itu, jumlah keseluruhan golongan belia/ muda yang dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) pada tahun 2025 adalah seramai 38,390 orang.

Sementara itu, Jabatan akan menggerakkan **Pelan Transformasi Jiran Muda** yang bermula pada tahun 2026 bagi menjenamakan semula dan memberi nafas baharu yang lebih segar kepada Jiran Muda yang merupakan kelompok komuniti yang menjadi tunjang penting kepada Rukun Tetangga. Antara tumpuan yang diberikan adalah berdasarkan kepada lima (5) teras strategik iaitu Tranformasi Kepimpinan, Transformasi Pendidikan, Transformasi Sosial, Transformasi Teknologi dan Transformasi Ekonomi. Pelan ini akan dibangunkan secara komprehensif dan inklusif dengan penglibatan pelbagai pihak khususnya dari suara hati golongan belia/muda.

#### iv. INISIATIF HARMONI MADANI

##### **Pembangunan Belia Harmoni**

Masih wujud defisit sosial dalam kalangan belia, termasuk jurang kefahaman antara agama dan budaya, kecenderungan pengelompokan sosial serta pengaruh naratif negatif di ruang digital. Sehubungan itu, intervensi pembangunan belia perlu dilaksanakan secara holistik dan berfokus kepada pemupukan nilai keharmonian, penghayatan kenegaraan dan pengukuhan interaksi sosial rentas perbezaan bagi membina daya tahan sosial dan identiti nasional yang kukuh.

Pada tahun 2026, jabatan memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Program X-Presi Harmoni yang berperanan sebagai mekanisme strategik pendidikan belia berasaskan pendekatan *edutainment digital*. Program ini dibangunkan dalam bentuk permainan (*game-based learning*) yang memanfaatkan inovasi digital bagi menarik penglibatan Generasi Z.

Pelaksanaannya dapat mendedahkan belia kepada kefahaman tentang nilai keharmonian beragama dan menerima kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia dalam suasana pembelajaran yang santai, interaktif dan inklusif. Gabungan elemen permainan, seni, ekspresi kreatif dan aktiviti berstruktur dalam X-Presi Harmoni membantu membentuk kesedaran, sikap toleransi dan pemikiran terbuka dalam kalangan belia.

Selain itu, program Perkampungan Harmoni pula merupakan satu pendekatan pembangunan sosial berasaskan pengalaman hidup bersama (*immersive and experiential learning*) yang menghimpunkan belia daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya untuk berkampung di satu lokasi. Inisiatif ini berperanan mengukuhkan hubungan sosial rentas perbezaan dan mengurangkan prasangka, seterusnya menyumbang kepada pembinaan jaringan belia yang bersatu padu dan berdaya tahan.

## v. **ADVOKASI PROAKTIF DALAM PENGURUSAN PERPADUAN**

### **Pengurusan Isu dan Konflik Perpaduan**

Pengurusan perpaduan juga akan memberi fokus dan beralih daripada pendekatan pengurusan krisis kepada pencegahan konflik melalui dialog dan mediasi komuniti yang lebih tersusun dan sistematik. Misalnya dengan pelaksanaan Pusat Kolaboratif Mediasi Komuniti dan Program Satelit Madani Rakyat secara bersasar dan bertumpu di seluruh negara. Pelaksanaannya akan memberikan impak yang tinggi terhadap pengurusan isu perpaduan di kawasan berisiko tinggi khususnya dalam konteks keselamatan dan keharmonian.

Advokasi proaktif dalam pengurusan perpaduan boleh dilihat melalui dua langkah utama berikut:

#### a. **Pelan Intervensi Remedy Mitigation Dalam Pengurusan Isu Perpaduan**

Pelan ini bertujuan untuk menyediakan intervensi yang lebih berstruktur dan berasaskan bukti bagi menangani isu perpaduan, dengan memberi tumpuan kepada dua aspek utama:

- i. penyelesaian segera (remedy); dan
- ii. pengurangan risiko (mitigation).

Pelaksanaan pelan ini akan menekankan kepada pendekatan yang lebih holistik dan preventif, berbanding hanya bertindak selepas berlaku masalah.

##### i. **Penyelesaian Segera (REMEDY):**

- **Tindakan Responsif:** Menangani konflik sosial dengan segera melalui dialog antara pihak berkuasa, pemimpin komuniti, dan individu terlibat.
- **Mediasi Komuniti:** Latihan intensif untuk mediator komuniti bagi menyelesaikan konflik secara efektif.
- **Bantuan Sosial Sementara:** Program sokongan untuk mangsa ketegangan sosial bagi memulihkan keharmonian.

ii. **Pengurangan Risiko Dan Pencegahan (MITIGATION):**

- **Program Pencegahan Konflik:** Aktiviti pendidikan perpaduan dan kesedaran kepelbagaian budaya dalam komuniti.
- **Pembangunan Infrastruktur Sosial:** Mewujudkan pusat komuniti untuk interaksi antara kumpulan berlainan latar belakang.
- **Kolaborasi Agensi:** Bekerjasama dengan NGO dan agensi lain untuk melaksanakan program mitigasi.
- **Pemantauan dan Penilaian:** Sistem pemantauan berterusan untuk menilai impak dan menyesuaikan pendekatan pencegahan.

Pelan ini bertujuan untuk menangani isu perpaduan secara holistik dan proaktif melalui penyelesaian segera serta langkah pencegahan yang berterusan.

b. **Penyediaan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA)**

**PRISMA** akan berfungsi untuk meningkatkan keterlihatan dan keberkesanan pengumpulan data isu-isu sosial sebagai pusat rujukan pengurusan isu perpaduan negara. Ini akan memastikan bahawa data yang dikumpul adalah relevan dan boleh digunakan dalam usaha untuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar yang lebih efektif dalam membina keharmonian sosial.

**PRISMA** akan dilengkapi dengan fungsi analitik terkini yang membolehkan pemantauan secara real-time terhadap isu-isu perpaduan di seluruh negara. Sistem ini akan menggunakan teknologi untuk menganalisis pola sosial, ekonomi, dan politik yang dapat mempengaruhi perpaduan negara.

Penambahbaikan sistem ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan menyediakan alat bagi

pembuat dasar untuk mengambil tindakan yang tepat dan pada masa yang sesuai.

JPNIN berharap dapat memperkukuhkan usaha-usaha untuk membangun masyarakat yang lebih inklusif dan harmonis, mengurangkan potensi konflik, serta meningkatkan kolaborasi antara pihak berkuasa dan masyarakat.

## **vi. INOVASI PERKHIDMATAN**

### **Pengukuhan Tatakelola dan Integriti**

Tatakelola dan integriti yang baik adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu, jabatan akan terus komited untuk memastikan pengurusan program-program perpaduan dilaksanakan secara telus, cekap, dan berintegriti. Pengukuhan tatakelola jabatan juga dilaksanakan bagi memastikan warga jabatan sentiasa memegang nilai-nilai sejagat sebagai teras utama dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

## **vii. PEMERKASAAN IKLIN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERPADUAN**

Pemeriksaan IKLIN sebagai Pusat Kecemerlangan Perpaduan akan mengukuhkan peranan IKLIN sebagai sebuah institusi yang berkesan dan efektif dalam menangani isu-isu perkauman dan kenyataan berbaur kebencian dan cabaran perpaduan di Malaysia. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka bagi memastikan IKLIN berfungsi sebagai Pusat Kecemerlangan Perpaduan:

- a. Merangka Pelan tindakan yang komprehensif dan bersepadu dalam mengurus dan memantau isu-isu yang berbaur kebencian dan isu-isu semasa yang boleh mengganggu-gugat keharmonian dan kesejahteraan rakyat.
- b. Menubuhkan pusat penyelidikan yang fokus kepada kajian-kajian menjurus kepada isu-isu perpaduan, hubungan antara kaum dan kenyataan berbaur kebencian di Malaysia.

- c. Berupaya menyediakan input dan data mengenai perpaduan, pengurusan konflik dan penyebaran ilmu perpaduan dan integrasi nasional untuk rujukan kepada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dengan lebih tersusun, sistematik dan berkesan.

**viii. KECEKAPAN PROMOSI DAN PUBLISITI**

Keberkesanan dalam strategi penyampaian maklumat jabatan telah dilaksanakan JPNIN melalui pelbagai medium yang dinamik dan berimpak tinggi. Pelaksanaan promosi, publisiti dan hebahan sangat penting kerana naratif perpaduan melalui inisiatif di bawah Jentera Perpaduan mampu mencetuskan impak tular yang meluas dalam kalangan masyarakat.

Misalnya Strategi *eye ball* dan peningkatan usaha promosi di setiap peringkat pelaksanaan akan terus diperkukuhkan dan disebarluaskan supaya lebih ramai rakyat sedar dan terlibat dalam inisiatif perpaduan ini. Media sosial dan medium hebahan tradisional hendaklah digunakan sepenuhnya bagi pencapaian matlamat tersebut.

Berpandukan momentum kejayaan **37.5** juta capaian yang dicapai pada tahun 2025, JPNIN menetapkan sasaran yang lebih progresif dan dinamik bagi tahun 2026. Fokus kita bukan sekadar mengejar angka semata-mata, sebaliknya memberi penekanan kepada kualiti impak dan keberkesanan penyampaian mesej perpaduan. Oleh itu, kita akan terus memperkukuh kolaborasi strategik bersama rakan media serta mengoptimumkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam penghasilan kandungan yang kreatif, berfokus dan berimpak tinggi.

## Hala Tuju JPNIN Tahun 2026



### 11. IMPAK PELAKSANAAN

Antara impak dan sasaran pelaksanaan yang akan diperolehi dalam pelaksanaan inisiatif JPNIN adalah seperti berikut:

#### i. **Pendigitalan sebagai Pemangkin Pengurusan Perpaduan Moden**

Pendigitalan merupakan teras penting dalam memodenkan pengurusan perpaduan negara. Aspirasi ini menekankan penggunaan teknologi digital, sistem bersepadu dan data analitik bagi memperkukuh pemantauan isu perpaduan, pengesanan awal ketegangan sosial serta pelaksanaan intervensi yang tepat dan berkesan.

#### ii. **Kenegaraan dan Penghayatan Rukun Negara sebagai Teras Penyatuan**

Penghayatan nilai kenegaraan dan Rukun Negara merupakan asas pembinaan negara bangsa yang kukuh. Prinsip-prinsip Rukun Negara menjadi panduan dalam membentuk jati diri nasional, memupuk rasa kebersamaan serta memperkukuh semangat patriotisme.

#### iii. **Pemerkasaan Jentera Perpaduan melalui Penguatan Kepimpinan**

Aspirasi ini memberi penekanan kepada pemerkasaan kepimpinan Pegawai Perpaduan dan pemimpin komuniti sebagai agen penyatupaduan melalui pembangunan kompetensi, kemahiran insaniah serta keupayaan mediasi dan penyelesaian konflik.

Selaras dengan pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] yang telah diluluskan, Jabatan akan terus memperkasakan kepimpinan Rukun Tetangga selari dengan Pelan Tindakan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (2021 – 2030) dan Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

Aspek kepimpinan menjadi fokus utama kerana kepimpinan yang cemerlang akan menghasilkan kecekapan tadbir urus dan keberkesanan peranan Rukun Tetangga serta memperkukuhkan peranan Rukun Tetangga sebagai **Tonggak Perpaduan Komuniti**. Antara inisiatif strategik yang dirangka ialah:

- a. **Rejevunate** kepimpinan Rukun Tetangga dengan menggalak dan meningkatkan penglibatan golongan muda dalam kepimpinan Rukun Tetangga;
- b. **Pembangunan Kapasiti dan Kompetensi** Kepimpinan AJKRT melalui Kursus/Latihan Berterusan;
- c. Meningkatkan penglibatan **golongan profesional** dalam Rukun Tetangga supaya dapat berkongsi ilmu dan kepakaran untuk membangunkan komuniti setempat;
- d. Menyediakan **golongan pelapis** kepimpinan Rukun Tetangga;
- e. Penyediaan **profiling** Rukun Tetangga yang komprehensif;
- f. Penyediaan Pelan Tindakan Kejiranan oleh setiap KRT berdasarkan profiling masing-masing supaya program yang dilaksanakan adalah berfokus dan berimpak kepada komuniti dan dapat membangunkan pemimpin Rukun Tetangga yang mempunyai ciri **3C** iaitu:
  - i. **Connected** (mempunyai jaringan yang luas dengan pelbagai pihak);
  - ii. **Creative** (mampu merangka program-program baharu yang lebih menarik minat komuniti); dan
  - iii. **Compassionate** (mempunyai empati yang tinggi terhadap isu dan permasalahan komuniti serta menanganinya).

iv. **Mengurus Kepelbagaian Agama secara Berhikmah dan Berinstitusi**

Pengurusan kepelbagaian agama secara berhikmah dan berinstitusi merupakan satu keperluan strategik dalam memastikan keharmonian masyarakat majmuk dan pembinaan Negara Bangsa yang stabil, inklusif dan berdaya tahan. Dalam konteks Malaysia yang berbilang agama dan budaya, perbezaan kepercayaan perlu diurus bukan sekadar melalui pendekatan reaktif, tetapi melalui kerangka dasar yang jelas, berprinsip dan berterusan. Pendekatan berhikmah menuntut kebijaksanaan, kepekaan budaya serta penghormatan terhadap kebebasan beragama yang dijamin Perlembagaan, manakala pendekatan berinstitusi memastikan pengurusan keharmonian dilaksanakan secara tersusun, konsisten dan berakauntabil melalui peranan agensi, mekanisme dan platform rasmi negara.

Selari dengan agenda **Pembangunan Negara Bangsa**, pengurusan kepelbagaian agama perlu berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal terhadap konflik, salah faham dan ketegangan sosial. Pendekatan berinstitusi membolehkan wujudnya saluran dialog antara agama yang berstruktur, pengurusan isu secara profesional serta pengukuhan keupayaan pegawai dan pemegang taruh dalam memahami sensitiviti agama secara mendalam. Pada masa yang sama, pendekatan berhikmah menekankan penggunaan dialog, mediasi, pendidikan nilai dan komunikasi berempati bagi membina kepercayaan antara penganut agama serta menggalakkan penyelesaian isu secara damai dan berhemah tanpa menjejaskan keharmonian awam.

## **KESIMPULAN**

Pengukuhan perpaduan dan keharmonian negara memerlukan sebuah masyarakat yang selamat, harmoni dan sejahtera. Sehubungan itu, usaha-usaha ke arah pembangunan negara bangsa dan pengurusan perpaduan negara hendaklah dilaksanakan secara holistik melalui kerjasama merentas kementerian, agensi, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat bagi memastikan kestabilan dan keharmonian sosial yang berterusan.

## 12. TAKWIM JPNIN TAHUN 2026

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
<b>JANUARI</b>					
1	Cilik Perpaduan: Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan Tahun 2026	12 Januari 2026	Sepang	Selangor	YB Menteri
2	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan Mock Cheuge)	24 Januari 2026	Ipoh	Perak	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
<b>FEBRUARI</b>					
<b>MAC</b>					
3	Sambutan Hari Raya Aidilfitri	27 - 29 Mac 2026	Temerloh	Pahang	YAB Perdana Menteri
4	Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Timur				
5	Karnival Ekonomi Rukun Tetangga				
6	Projek Sosial Kolaboratif Mediasi Komuniti	14 Mac 2026 (Sabtu)	Shah Alam	Selangor	YB Menteri
<b>APRIL</b>					
7	Konvensyen Rukun Tetangga (RT) Progresif	10-Apr-26		Kuala Lumpur	TKSU(D)
8	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan Mock Cheuge)	18-Apr-26	Petaling Jaya	Selangor	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
9	Seminar Keusahawanan Sosial Komuniti Rukun Tetangga (RT)	20-Apr-26		Lembah Klang	KSU
10	Jelajah Belia Rukun Negara (Pelancaran Program)	24-Apr-26	UiTM, Shah Alam	Selangor	YB Menteri
11	Cilik Perpaduan: Menu Sihat Perpaduan (Serentak Seluruh Negara)	25-Apr-26	Seremban	Negeri Sembilan	YB Timbalan Menteri
12	Grip Kelab Rukun Negara: Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Kebangsaan	30-Apr-26	Brickfield	Kuala Lumpur	YB Menteri
<b>MEI</b>					
13	Karnival Ekonomi Rukun Tetangga	1 Mei 2026	Ipoh	Perak	YB Timbalan Menteri
14	Dialog Aman dan Empati: Program DARES @ Komuniti Zon Tengah	2 Mei 2026		Kuala Lumpur	TKSU(D)
15	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	3 Mei 2026	Seberang Perai Tengah	Pulau Pinang	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
16	Perkampungan Harmoni MADANI	3 Mei 2026	Ipoh	Perak	YB Timbalan Menteri
17	Dialog Aman dan Empati: Program DARES @ Komuniti Zon Utara	9 Mei 2026	Pulau Pinang	Pulau Pinang	TKSU(D)
18	Sambutan Minggu Perpaduan	8 - 10 Mei 2026	Bintulu	Sarawak	YB Menteri

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
	Peringkat Zon Sarawak				
19	Jelajah Belia Rukun Negara Peringkat Zon Timur	11 Mei 2026	Kuala Terengganu	Terengganu	KSU
20	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	16 Mei 2026	Indera Mahkota, Kuantan	Pahang	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
21	Cilik Perpaduan: Sukaneka Perpaduan Prasekolah	16 Mei 2026	Pudu	Kuala Lumpur	TKSU(D)
<b>JUN</b>					
22	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	6-Jun-26	Gua Musang	Kelantan	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
23	Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan	11 - 14 Jun 2026	Kota Kinabalu	Sabah	YAB Perdana Menteri
24	Majlis Mengenang Negarawan: Program Mengenang Negarawan Tun Fuad Stephans				
25	Karnival Ekonomi Rukun Tetangga				
26	Dialog Aman dan Empati: Program DARES @	13-Jun-26	Johor Bahru	Johor	TKSU(D)

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
	Komuniti Zon Selatan				
27	Dialog Harmoni	15-Jun-26	Kota Kinabalu	Sabah	YB Menteri
28	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	16-Jun-26	Bandar Tun Razak	WPKL	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
29	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	27-Jun-26	Bintulu	Sarawak	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
30	Citra Nusa Muzium: Festival Hari Muzium Antarabangsa	23 - 30 Jun 2026 (Perasmian 24 Jun 2026)	Plaza Angsana, Johor Bharu	Johor	YB Menteri
31	Jelajah Belia Rukun Negara	24-Jun-26	Johor Bharu	Johor	
32	GRIP Kelab Rukun Negara: Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Negeri Perak	25-Jun-26	Ipoh	Perak	YB Timbalan Menteri
<b>JULAI</b>					
33	Persidangan Mediator Komuniti dan Hari Mediator Nasional	4 Julai 2026	WPKL	Kuala Lumpur	YB Menteri
34	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 1)	9 Julai 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
35	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	11 Julai 2026	Sepanggar	Sabah	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
36	Karnival Ekonomi Rukun Tetangga	16 Julai 2026		Zon Timur	TKSU(D)
37	GRIP Kelab Rukun Negara: Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Negeri Sembilan	16 Julai 2026	Port Dickson	Negeri Sembilan	TKSU(P)
38	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 2)	16 Julai 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
39	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 3)	23 Julai 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
40	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuqe</i> )	25 Julai 2026	Masjid Tanah	Melaka	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
41	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 4)	30 Julai 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
<b>OGOS</b>					
42	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 5)	6 Ogos 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
43	Dialog Aman dan Empati: Program	8 Ogos 2026		Sarawak	YB Menteri

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
	DARES @ Komuniti Sarawak				
44	Dokumentari Jejak Harmoni (Episod 6)	13 Ogos 2026 (Tarikh Siaran)		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
45	Perasmian Projek Tanaman Shorgum KRT	18 Ogos 2026	Bentong	Pahang	TKSU(D)
46	Pertandingan Bicara Berirama Perpaduan	20 Ogos 2026		Lembah Klang	YB Menteri
47	X-Presi Harmoni	24 Ogos 2026	Shah Alam	Selangor	YB Timbalan Menteri
48	Pelancaran Projek Dapur Digital KRT	31 Ogos 2026		Lembah Klang	TKSU(D)
<b>SEPTEMBER</b>					
49	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuje</i> )	5-Sep-26	Sg Petani	Kedah	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
50	GRIP Kelab Rukun Negara: Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Negeri Kelantan	10-Sep-26	Gua Musang	Kelantan	KSU
51	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuje</i> )	12-Sep-26	Kluang	Johor	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
52	Dialog Aman dan Empati: Program	18-Sep-26	Pasir Mas/ Tumpat	Kelantan	YB Menteri

BIL	PROGRAM	TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)	DAERAH	TEMPAT	CADANGAN PERASMI
	DARES @ Komuniti Zon Timur				
53	Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan	22 - 24 September 2026	MITC	Melaka	TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka
54	Cilik Perpaduan: Pintar Kreatif	27-Sep-26	Titiwangsa	Kuala Lumpur	YB Timbalan Menteri
55	Pertandingan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan	30-Sep-26	Pagoh	Johor	YB Menteri
<b>OKTOBER</b>					
56	Dialog Aman dan Empati: Program DARES @ Komuniti Zon Sabah	3 Oktober 2026	Kota Kinabalu	Sabah	YB Timbalan Menteri
57	Program Satelit PMR MADANI Tahun 2026 @ Program Eksplorasi Perpaduan Satelit PMR 2026 (Serahan <i>Mock Cheuje</i> )	3 Oktober 2026	Port Dickson	Negeri Sembilan	YB Menteri/ YBTM/KSU/T KSU/KP JPNIN
58	Jelajah Belia Rukun Negara Peringkat Sabah Zon	5 Oktober 2026	Kota Kinabalu	Sabah	YB Timbalan Menteri
59	Jelajah Belia Rukun Negara Peringkat Utara Zon	13 Oktober 2026	UUM Sintok	Kedah	TKSU(P)
60	Jeyarawara (Roadshow) Perpaduan dan Negara Bangsa	15 Oktober 2026	Kuching	Sarawak	TKSU(D)
61	GRIP Kelab Rukun Negara				
62	Program Satelit MADANI @ Program MADANI Rakyat (Kelantan)	16 Oktober 2026		Kelantan	KSU

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH (TARIKH MULA HINGGA TAMAT)</b>	<b>DAERAH</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>CADANGAN PERASMI</b>
63	Perasmian Pusat Latihan IKLIN	19 Oktober 2026	Sentul	Kuala Lumpur	YB Menteri
64	Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Labuan	30 Oktober 2026	WP Labuan	WP Labuan	TKSU(D)
<b>NOVEMBER</b>					
65	Anugerah Perdana Rukun Tetangga	1-Nov-26		Kuala Lumpur	YB Menteri
<b>DISEMBER</b>					

# **EDITORIAL DAN PENGHARGAAN**

## **PENAUNG**

YBrs. Tuan Zulkifli Bin Hashim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)

## **PENASIHAT**

Encik Norzahiruddin Amin bin Husin  
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPNIN

## **EDITOR**

Puan Salasiah binti Hashim  
Pengarah  
Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP), JPNIN

## **SIDANG REDAKSI**

Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP)  
Bahagian Korporat (BK)  
Bahagian Pengurusan Perpaduan (BPP)  
Bahagian Hal Ehwal Agama (BHEA)  
Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan (BPMK)  
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional (BKSIN)  
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)  
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)  
Unit Integriti (UI)

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku ini secara langsung atau tidak langsung.